

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN TUN
DR. MAHATHIR [JERLUN]**

TARIKH : 7.10.2021 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan status terkini inisiatif pemulihan sektor dagangan kepada negeri-negeri akibat COVID-19.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah menyediakan inisiatif berbentuk moratorium serta inisiatif dalam bentuk merencanakan semula aktiviti ekonomi sepanjang pandemik COVID-19.
2. Antara inisiatif berbentuk moratorium adalah seperti penangguhan pinjaman dana francais, memberi pengecualian kompaun ke atas kelewatan pendaftaran perniagaan, pengurangan kompaun bagi pembatalan nama syarikat, penangguhan tempoh pembayaran pembaharuan dan pengecualian surcaj lewat bagi paten dan cap dagangan dan penepian bayaran fi pindaan nama dan alamat suatu permohonan dan pendaftaran cap dagangan.
3. Inisiatif seperti yang saya sebutkan sebentar tadi adalah bertujuan untuk mengurangkan kesan (*cushioning impact*) kepada pihak perniagaan yang terkesan akibat pandemic COVID-19.

4. Selain itu, Kementerian juga menyediakan inisiatif dalam bentuk membantu merencanakan ekonomi seperti telah menaikkan nilai ambang keberhutangan daripada RM10,000 kepada RM50,000, memperkenalkan Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP), pendaftaran perniagaan percuma kepada golongan OKU dan jualan produk basah di stesen minyak terpilih.

5. Kementerian juga meningkatkan keberkesanan penyampaian melalui memudah cara proses permohonan lesen, memendekkan proses pengeluaran permohonan baharu dan pembaharuan permit barang kawalan serta melanjutkan tempoh sah pemegang permit barang kawalan.

6. Suka saya ingin menjelaskan di sini bahawa inisiatif yang disediakan tidak khusus kepada mana-mana negeri. Walau bagaimanapun, dengan mengambil semangat “Keluarga Malaysia” Kementerian sedia membantu semua pihak yang terkesan untuk kembali bangkit daripada kesan penularan pandemik COVID-19 yang memberi kesan bukan sahaja kepada rakyat Malaysia, malah juga kepada pihak peniaga terutama dalam sektor peruncitan.

Sekian, terima kasih.